



## DOKUMEN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN,  
MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS  
RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI  
NEGERI MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN  
TERENGGANU**

**NO. SEBUT HARGA: CIDBEC/042025(OPS)/SHG 01**

**PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI  
KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG  
DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA. PENYEBUT HARGA YANG  
MEMBUAT KESILAPAN ATAU TIDAK MEMATUHI  
MANA-MANA DI DALAM DOKUMEN INI BOLEH MENYEBABKAN  
SEBUT HARGA TERSEBUT TIDAK DIPERTIMBANGKAN.**

**"JAUHILAH DARIPADA AMALAN RASUAH KERAJAAN MALAYSIA"  
CIDB E – CONSTRUCT SERVICES SDN BHD**

## **KANDUNGAN**

<b>MAKLUMAT UMUM .....</b>	<b>2</b>
<b>1.0 PENGENALAN .....</b>	<b>2</b>
<b>2.0 PENYERTAAN SEBUT HARGA .....</b>	<b>2</b>
<b>3.0 DOKUMEN YANG WAJIB DIISI DAN DIKEMUKAKAN .....</b>	<b>3</b>
<b>4.0 '<i>INTEGRITY PACT</i>' .....</b>	<b>4</b>
<b>5.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA.....</b>	<b>5</b>
<b>6.0 TARIKH TUTUP .....</b>	<b>6</b>
<b>7.0 MAKLUMAT HARGA .....</b>	<b>6</b>
<b>8.0 TEMPOH SAH LAKU .....</b>	<b>6</b>
<b>9.0 PENGHANTARAN BARANGAN / BEKALAN / PERKHIDMATAN .....</b>	<b>6</b>
<b>10.0 JAMINAN.....</b>	<b>7</b>
<b>11.0 SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDARD KUALITI KERJA .....</b>	<b>7</b>
<b>12.0 PENERIMAAN TAWARAN DAN KONTRAK PERJANJIAN .....</b>	<b>7</b>
<b>13.0 PENERIMAAN SEBUT HARGA.....</b>	<b>8</b>
<b>14.0 PENAMATAN PERSETUJUAN.....</b>	<b>9</b>
<b>15.0 HARGA TAWARAN DAN PEMBAYARAN .....</b>	<b>9</b>
<b>16.0 TINDAKAN TATATERTIB .....</b>	<b>9</b>
<b>17.0 KAEDAH PEMBAYARAN .....</b>	<b>10</b>
<b>18.0 DENDA LEWAT .....</b>	<b>10</b>
<b>19.0 KAEDAH PELAKSANAAN .....</b>	<b>11</b>
<b>20.0 PERTANYAAN .....</b>	<b>11</b>
<b>LAMPIRAN A.....</b>	<b>13</b>
<b>LAMPIRAN B.....</b>	<b>14</b>
<b>LAMPIRAN C .....</b>	<b>16</b>
<b>LAMPIRAN D .....</b>	<b>17</b>
<b>LAMPIRAN E .....</b>	<b>21</b>
<b>LAMPIRAN F .....</b>	<b>23</b>
<b>LAMPIRAN G .....</b>	<b>24</b>
<b>LAMPIRAN H .....</b>	<b>27</b>
<b>LAMPIRAN I .....</b>	<b>28</b>
<b>LAMPIRAN J .....</b>	<b>29</b>
<b>LAMPIRAN K .....</b>	<b>30</b>

## **MAKLUMAT UMUM**

### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 CIDB E-Construct Services Sdn Bhd (CIDBEC) ingin mempelawa syarikat yang berkelayakan untuk menyertai '**SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN, MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI NEGERI MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN TERENGGANU'**'.
- 1.2 Syarikat yang ingin menyertai Sebut Harga ini dikehendaki membaca dan memahami dengan teliti mengenai perkhidmatan dan pembekalan yang akan ditawarkan seperti yang dinyatakan di dalam dokumen ini di **LAMPIRAN D (SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN SKOP PERKHIDMATAN)**.
- 1.3 Syarikat juga hendaklah mendapatkan semua maklumat yang diperlukan untuk memastikan pelaksanaan dan penyempurnaan pembekalan tersebut. Syarikat tidak berhak membuat apa-apa kenyataan bahawa tidak mendapat maklumat yang mencukupi daripada mana-mana pegawai CIDB E-Construct Services Sdn Bhd.

### **2.0 PENYERTAAN SEBUT HARGA**

- 2.1 Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia** dan **Kementerian Kewangan Malaysia**.
- 2.2 Tempoh sahlaku pendaftaran Kementerian Kewangan mestilah sah sekurang-kurangnya sehingga September 2025.
- 2.3 Dokumen Sebut Harga hanya boleh diperolehi mulai **07 April 2025** dengan memuat turun dokumen tersebut di laman sesawang [www.cidbec.com.my](http://www.cidbec.com.my).
- 2.4 Tawaran Sebut Harga hendaklah dibuat berdasarkan kepada **Spesifikasi Teknikal Dan Skop Perkhidmatan (LAMPIRAN D)**.
- 2.5 Syarikat yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi **TIGA (3) kod bidang Pendaftaran Firma Perunding** seperti berikut :

- 330201 : Arkitek DAN;
- 330202 : Ukur bahan DAN;
- 330204 : Hiasan Dalaman;

- 2.6 Syarikat hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma di bawah ini membolehkan penyertaan syarikat ditolak.
- 2.7 Kos penyertaan Sebut Harga dan penyediaan dokumen Sebut Harga adalah **ditanggung** sendiri oleh syarikat. CIDBEC tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat.

### **3.0 DOKUMEN YANG WAJIB DIISI DAN DIKEMUKAKAN**

- 3.1 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN DAN TEKNIKAL** seperti berikut: -
  - 3.1.1 Dokumen Sebut Harga hendaklah **diisi secara bertaip atau tulisan tangan yang jelas**. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat mestilah ditandatangan ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat Penyebut Harga setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.
- 3.2 **Dokumen yang wajib dikemukakan :**
  - i. \*Satu salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM);
  - ii. \*Satu salinan Borang 24 – *Return Of Allotment of Shares*;
  - iii. \*Satu Salinan Borang 49 – *Return Giving Particular In Register Of Directors, Managers And Secretaries And Changes Of Particulars*;
  - iv. \*Satu Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF);
  - v. Maklumat / profil syarikat beserta carta organisasi pasukan projek yang menyertai projek;
  - vi. Spesifikasi Teknikal Dan Skop Perkhidmatan (Rujuk **LAMPIRAN D**);
  - vii. Kertas Cadangan pelaksanaan projek;
  - viii. \*Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (**LAMPIRAN J**)

**Item bertanda (\*) perlu disahkan oleh Setiausaha Syarikat.**

### 3.3 Dokumen yang wajib diisi


- i. Keterangan Mengenai Penyebut Harga (**LAMPIRAN A**);
- ii. Surat Penyertaan Sebut Harga (**LAMPIRAN B**);
- iii. Jadual Tawaran Sebut Harga (**LAMPIRAN C**);
- iv. Maklumat Syarikat (**LAMPIRAN E**);
- v. Surat Akuan Penyebut Harga (**LAMPIRAN F**);  
\* Surat Perwakilan Kuasa hendaklah disertakan bersama dengan surat ini
- vi. Borang Sebut Harga (**LAMPIRAN G**);
- vii. Rekod Pengalaman Kerja (**LAMPIRAN H**);
- viii. Senarai Kontrak Semasa (**LAMPIRAN I**);
- ix. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (**LAMPIRAN J**); dan
- x. Senarai Semak (**LAMPIRAN K**)

### 4.0 ‘INTEGRITY PACT’

- 4.1 Penyebut harga wajib mengemukakan surat akuan penyebut harga seperti di lampiran bersama-sama dengan Dokumen Sebut Harga di mana ia berwaad untuk tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran tersebut. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- 4.2 Surat Akuan Penyebut Harga tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga peringkat pertama. Sekiranya penyebut harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai syarikat bertauliah, penyebut harga tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.
- 4.3 Kontraktor yang BERJAYA wajib mengemukakan Surat Akuan Penyebut Harga seperti di lampiran beserta dengan Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah juga melampirkan surat perwakilan kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

## 5.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 5.1 Dokumen tawaran Sebut Harga yang dihantar hendaklah dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri dan dilabel seperti berikut :



Hendaklah dihantar ke alamat di bawah sebelum atau pada hari **ISNIN, 14 APRIL 2025, JAM 12.00 TENGAH HARI** kepada:

CIDB E-Construct Services Sdn Bhd  
d/a Pejabat Pengurusan myBIM Centre,  
Tingkat 11, Menara Sunway Putra,  
Lot 100, Jalan Putra,  
50350 Kuala Lumpur.

- 5.2 Penyebut harga hendaklah menghantar **satu (1) set dokumen asal dan tiga (3) set salinan dokumen Tawaran Sebut Harga kepada CIDBEC**.
- 5.3 Penyebut Harga dinasihatkan menghantar cadangan Sebut Harga pada atau sebelum masa yang ditetapkan. CIDBEC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar. Walau apa pun alasan yang diberikan, sebarang Sebut Harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 5.4 Penyebut Harga tidak boleh memasukkan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan Sebut Harga ini dalam Sebut Harga yang ditawarkan.

## 6.0 TARIKH TUTUP

Cadangan Sebut Harga hendaklah diserahkan ke Pejabat Pengurusan myBIM Centre, Tingkat 11, Menara Sunway Putra, Lot 100, Jalan Putra, 50350 Kuala Lumpur. Sebut Harga ini akan ditutup pada hari **ISNIN, 14 APRIL 2025, JAM 12.00 TENGAH HARI.**

## 7.0 MAKLUMAT HARGA

- 7.1 Semua cadangan harga yang dikemukakan hendaklah di dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)** dan tidak melebihi dua angka perpuluhan. Penilaian harga antara Penyebut Harga adalah berdasarkan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit setiap item akan diambil kira.
- 7.2 Harga-harga yang ditawarkan di dalam Sebut Harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama tempoh sah laku Sebut Harga iaitu **90 HARI**. Harga yang ditawarkan oleh Penyebut Harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang tempoh kontrak dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.
- 7.3 Harga yang dinyatakan untuk semua bekalan / barang / perkhidmatan adalah **TERMASUK** semua diskaun serta kos tambahan yang berkaitan seperti harga kos bungkusan, pembungkusan, penghantaran, cukai atau duti kastam, insuran dan lain-lain kos yang bersangkutan dengan pembekalan / perkhidmatan yang ditawarkan.

## 8.0 TEMPOH SAH LAKU

- 8.1 Tawaran Sebut Harga hendaklah sah bagi tempoh **90 HARI** dari tarikh tutup Sebut Harga.

## 9.0 PENGHANTARAN BARANGAN / BEKALAN / PERKHIDMATAN

- 9.1 Penyebut Harga yang berjaya perlu membuat penghantaran barang / bekalan / perkhidmatan sepertimana dinyatakan di dalam **Jadual Tawaran Sebut Harga (LAMPIRAN C)** dilaksanakan berdasarkan skop kerja sepertimana yang dinyatakan di dalam **LAMPIRAN D (Spesifikasi Teknikal Dan Skop Perkhidmatan)** ke Pejabat Pengurusan CIDBEC.

- 9.2 Pelaksanaan projek adalah dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** dari tarikh penerimaan tawaran. Walau bagaimanapun, tempoh projek yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima (SST) adalah muktamad tanpa syarat.
- 9.3 Penyebut Harga yang berjaya adalah **bertanggungjawab** bagi memastikan barang / bekalan / perkhidmatan dilaksanakan dan dihantar ke lokasi yang telah ditetapkan oleh CIDBEC.

## 10.0 JAMINAN

- 10.1 Penggantian semasa tempoh jaminan akan dilakukan tanpa sebarang caj tambahan dalam apa jua bentuk untuk CIDBEC.
- 10.2 Tarikh kuat kuasa untuk semua jaminan akan bermula pada tarikh penerimaan yang terakhir.
- 10.3 Syarikat dikehendaki menyatakan tempoh jaminan bagi setiap item yang ditawarkan

## 11.0 SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDARD KUALITI KERJA

- 11.1 Penyebut Harga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi, skop dan standard kualiti kerja bagi pembekalan / perkhidmatan di dalam **LAMPIRAN D** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.
- 11.2 Perkhidmatan pembekalan / perkhidmatan akan dilaksanakan mengikut spesifikasi, skop kerja dan “standard” kualiti kerja yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN D**.

## 12.0 PENERIMAAN TAWARAN DAN KONTRAK PERJANJIAN

- 12.1 Penyebut Harga yang berjaya mestilah menyempurnakan pembekalan / perkhidmatan mengikut tempoh yang dipersetujui dan ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima (SST) yang ditandatangani.
- 12.2 Pelantikan dan penyerahan Surat Setuju Terima kepada Penyebut Harga yang berjaya adalah **TUJUH (7) HARI** selepas kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga atau sekurang-kurangnya **EMPAT BELAS (14) HARI** sebelum tarikh mula kontrak.

- 12.3 Penyerahan semula Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani hendaklah dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima. Kegagalan pematuhan boleh menyebabkan Surat Setuju Terima dibatalkan dan akan ditawarkan kepada Penyebut Harga yang lain.
- 12.4 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen Sebut Harga atau di mana-mana jadual yang terdahulu adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara CIDBEC dan Penyebut Harga yang berjaya. Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak CIDBEC dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.
- 12.5 Dokumen kontrak yang lengkap akan disediakan oleh Penyebut Harga yang berjaya selepas Sebut Harga ditawarkan kepada Penyebut Harga tersebut.
- 12.6 Surat Setuju Terima Sebut Harga yang dihantar oleh CIDBEC kepada Penyebut Harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut Harga ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai Kontrak yang **mengikat** di antara CIDBEC dan Penyebut Harga tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

### 13.0 PENERIMAAN SEBUT HARGA

- 13.1 CIDBEC adalah tidak terikat untuk menerima tawaran Sebut Harga terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran.
- 13.2 CIDBEC berhak menambah atau, mengurangkan mana-mana kuantiti yang ditetapkan dalam dokumen Sebut Harga, pada masa Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada Penyebut Harga yang berjaya.
- 13.3 Kaedah penilaian adalah secara penilaian teknikal dan penilaian harga yang akan dibuat berdasarkan item-item yang ditawarkan dan boleh juga dibuat penilaian secara pakej (keseluruhan). CIDBEC juga boleh menerima hanya sebahagian daripada Sebut Harga.
- 13.4 Selain daripada kuantiti yang telah ditetapkan dalam Surat Perjanjian, CIDBEC boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan Penyebut Harga hendaklah

membekalkannya dengan harga dan terma-terma yang sama seperti kontrak asal.

#### **14.0 PENAMATAN PERSETUJUAN**

- 14.1 Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya pihak CIDBEC boleh terus menamatkan persetujuan jika Penyebut Harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini.

#### **15.0 HARGA TAWARAN DAN PEMBAYARAN**

- 15.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih di dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja;
- 15.2 Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di Jadual Harga setelah pembekal membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut.

#### **16.0 TINDAKAN TATATERTIB**

- 16.1 Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan komuniti perniagaan yang berdisiplin, bertanggungjawab, berintegriti serta mengamalkan tadbir urus korporat yang baik, kesalahan-kesalahan dan juga tindakan tataterribit boleh diambil ke atas syarikat dan firma perunding yang telah melakukan kesalahan berikut semasa berurusan dengan CIDBEC.
  - 16.2 Jenis-jenis kesalahan tersebut adalah merangkumi tetapi tidak terhad kepada kesalahan-kesalahan berikut :-
    - a) **ENGGAN / GAGAL** membekalkan bekalan / perkhidmatan setelah Sebut Harga diterima atau **MENARIK BALIK** Sebut Harga sebelum tamat tempoh Sah Laku Tawaran Sebut Harga atau apa-apa tempoh lanjutan; atau
    - b) Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi menyerahkan Sebut Harga

(dan dalam hal yang sedemikian ia hendaklah disifatkan enggan dan tidak melaksanakan perjanjian kontrak yang normal) CIDBEC tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap Penyebut Harga.

- 16.3 Tindakan-tindakan tatatertib ini termasuklah :-
- Amaran;
  - Senarai Hitam Ahli Lembaga Pengarah; dan
  - Senarai Hitam Syarikat Penyebut Harga

## 17.0 KADEAH PEMBAYARAN

- 17.1 Penyebut Harga yang berjaya hendaklah mengemukakan bil / tuntutan yang lengkap dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** daripada tarikh penghantaran bekalan / pelaksanaan perkhidmatan disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. CIDBEC tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada syarikat jika bil / tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh tersebut.
- 17.2 Tuntutan pembayaran adalah berdasarkan Jadual Pembayaran yang dipersetujui bersama di antara Penyebut Harga dan CIDBEC.
- 17.3 Sekiranya pihak CIDBEC tidak berpuashati dengan pembekalan / perkhidmatan yang dilaksanakan, CIDBEC berhak untuk tidak membuat pembayaran bagi pembekalan yang tidak dilaksanakan.

## 18.0 DENDA LEWAT

- 18.1 Sekiranya Penyebut Harga gagal menyempurnakan pelaksanaan perkhidmatan pada tarikh yang dipersetujui, Penyebut Harga adalah dikehendaki membayar pampasan wang yang berjumlah **EMPAT PULUH PERATUS (40%)** daripada nilai harga pelaksanaan perkhidmatan yang lewat dihantar atau diperbaiki untuk setiap hari kelewatannya. Formula pengiraan denda adalah seperti berikut;

Denda Lewat = 40% (RM)	Harga yang ditawarkan (RM)	Bilangan hari lewat / Tempoh projek
---------------------------	----------------------------------	--

- 18.2 Bagi pelaksanaan perkhidmatan yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan Penyebut Harga seperti rusuhan,

kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau yang seumpama, CIDBEC boleh membenarkan perlanjutan tempoh penghantaran tersebut dengan syarat Penyebut Harga perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

## 19.0 KAE DAH PELAKSANAAN

- 19.1 Peringkat Pertama – Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh Penyebut Harga.
  - i. Kesemua Penyebut Harga yang menghantar dokumen Sebut Harga hendaklah menandatangani Surat Akaun Penyebut Harga (**LAMPIRAN F**) bahawa ia tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. CIDBEC hendaklah memastikan Surat Akuan Penyebut Harga juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen Borang Sebut Harga (**LAMPIRAN G**).
- 19.2 Peringkat Kedua – Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh Penyebut Harga yang berjaya.
  - i. Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Penyebut Harga (**LAMPIRAN F**) bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Penyebut Harga juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Terima (akan disertakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima).

## 20.0 PERTANYAAN

- 20.1 Sepanjang tempoh sebelum tarikh tutup iklan Sebut Harga, Penyebut Harga boleh meminta penjelasan dokumen Sebut Harga atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya dari CIDBEC.

20.2 Sebarang pertanyaan hendaklah dirujuk kepada :-

**Urusetia Sebut Harga**

Nama : Pn. Nor Dalila Mohd Mualip  
No. Tel : 03-4040 0399  
Email : procurement@cidbec.com.my

Nama : Pn. Aida Husna Ahmad Daud  
No. Tel : 03-4040 0399  
Email : procurement@cidbec.com.my

**Aspek Teknikal**

Nama : Pn. Wan Nurul Zukhrina Wan Mahusain  
No.Tel : 03-4040 0399  
Email : zukhrina@cidbec.com.my

Nama : En. Azri Azfar Mohd Zaini  
No.Tel : 03-4040 0399  
Email : azriazfar@cidbec.com.my

**LAMPIRAN A**

**KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA**

**NAMA PENYEBUT HARGA:**

.....  
(Syarikat)

**ALAMAT PENYEBUT HARGA:**

**MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI:**

Pegawai untuk Dihubungi : .....  
No.Tel. Pejabat : .....  
No. Tel. Bimbit : .....  
No. Faks : .....

**PENDAFTARAN DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA:**

No. Pendaftaran : .....  
Tarikh Tamat Pendaftaran : .....

**LAMPIRAN B**

**SURAT PENYERTAAN SEBUT HARGA**

Kepada:

**CIDB E-Construct Services Sdn Bhd**  
d/a Pejabat Pengurusan myBIM Centre,  
Tingkat 11, Menara Sunway Putra,  
Lot 100, Jalan Putra, 50350  
Kuala Lumpur

Tuan,

**NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA: CIDBEC/042025(OPS)/SHG 01**  
**'SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN, MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI NEGERI MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN TERENGGANU'**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat

---

mengambil bahagian dalam '**SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN, MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI NEGERI MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN TERENGGANU**'.

1. Harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah berjumlah  
(Ringgit Malaysia .....)
2. Syarikat bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat Sebut Harga dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen Sebut Harga. Syarikat juga telah memahami bahawa CIDBEC berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.
3. Syarikat bersetuju bahawa harga Sebut Harga yang ditawarkan ini sah (*valid*) selama **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh tutup Sebut Harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada Sebut Harga ini dan meminda harga.

4. Jika Sebut Harga ini diterima, saya / kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh surat setuju terima Sebut Harga.
5. Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah menyemak dan memberikan maklumat yang benar.

.....  
Tandatangan & Cop Syarikat

Nama :  
No. Kad Pengenalan :  
Jawatan :  
Alamat :

**LAMPIRAN C****JADUAL TAWARAN SEBUT HARGA**

**SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN,  
MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS  
RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI  
NEGERI MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN  
TERENGGANU**

BIL.	SPESIFIKASI TEKNIKAL	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	KOS (RM)
1	Kos Yuran Perkhidmatan Perunding <i>*Sila rujuk spesifikasi teknikal dan skop perkhidmatan untuk perincian</i>	1 Lot		
2	Kos Pengangkutan / Perjalanan <i>*Sila rujuk Lampiran D : Spesifikasi Teknikal Dan Skop Perkhidmatan (Perkara 1.3: Expenses) untuk perincian</i>	1 Lot		
3	Elaun Penginapan <i>*Sila rujuk Lampiran D : Spesifikasi Teknikal Dan Skop Perkhidmatan (Perkara 1.3: Expenses) untuk perincian</i>	1 Lot		
4	Kos Dokumentasi Dan Penyediaan Laporan <i>*Sila rujuk Lampiran D : Spesifikasi Teknikal Dan Skop Perkhidmatan untuk perincian</i>	1 Lot		
<b>JUMLAH KECIL (A):</b>				
<b>SST 8% (B):</b>				
<b>JUMLAH A + B:</b>				

**LAMPIRAN D**

**SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN SKOP PERKHIDMATAN**

**SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN,  
MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS  
RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI  
NEGERI MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN  
TERENGGANU**

Penyebut harga hendaklah melaksanakan perkhidmatan seperti dibawah untuk tujuan kelulusan pihak CIDBEC;

**1. INSTRUCTIONS TO CONSULTANTS**

**1.1. SCOPE OF SERVICES**

*We have the pleasure of inviting your organization to submit consultancy fee quotation for the above mentioned service. The scope of services are as below:*

- a. *Conducting building condition assessment (BCA) including incorporating report on the current condition of structural and MEP works.*
- b. *Preparing detail layout and designs of interior design, structural works, mechanical, electrical works and plumbing works.*
- c. *Preparing detail estimates based upon details designs including incorporating all estimates provided by the engineers;*
- d. *Preparing and compiling tender documents/quotation and bills of quantities for tendering/bidding purposes including incorporating all changes and addenda;*
- e. *To attend tender evaluation and negotiation process including attend evaluation meeting as required by CIDBEC;*
- f. *Preparing formal Contract Documents for signing, stamping and circulation including incorporating all changes and addenda issued prior to award;*
- g. *To review and rationalise prices and rates prior to award; and*
- h. *Attending meetings as required by CIDBEC at regular intervals.*
- i. *To review extension of time, (EOT), variation order (VO), liquidated and ascertained damages (LAD) for the contract administration.*

- j. Preparing interim payment, prime cost sum (PC sum), provisional sum as stated the contract document.
- k. To prepare financial statement and final account as required by CIDBEC

## 1.2. NOTICE TO CONSULTANTS

- 1.2.1. The information contained in this Instructions to Consultants is strictly confidential and to be used by Consultants for the sole purpose of RFQ. The Consultants shall not directly or indirectly disclose this information to any other parties unless otherwise authorized in writing by CIDB E-Construct Services Sdn Bhd ("CIDBEC").
- 1.2.2. CIDB E-Construct Services Sdn Bhd (hereinafter referred to as (CIDBEC) is hereby inviting RFQ for:

**SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN,  
MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS  
RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI NEGERI  
MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN TERENGGANU**

- 1.2.3. The Letter of Appointment to the selected consultant will be issued by project basis in accordance with the implemented timeline.

## 1.3. EXPENSES

- 1.3.1. Expenses incurred in connection with carrying out of the services listed below are subject to reimbursement:
  - a. Travelling and any out of pocket expenses outside Klang Valley are not included in the professional fees and will be reimbursed accordingly. All claims are to be supported by receipts.
  - b. For avoidance of doubt, travelling and any out of pocket expenses within Klang Valley shall not be reimbursed.
  - c. Lithography and printing charges are not included in the Professional Fees and will be reimbursed provided that the reproduction of the documents and plans are requested by the CIDBEC. All claims are to be supported by receipts. However, the following documents shall be made available to us at no cost :
    - i. One (1) set of Detail Estimate including Bills of Quantities
      - 1 set loose bound.
    - ii. Three (3) sets of Tender Documents
      - 3 set loose bound Tender Documents – In file.

**iii. Three (3) sets of Contract Documents**

- 1 set of hard bound Contract Document (Original).
- 1 set of hard bound Contract Document (Copy).
- 1 set loose bound (Copy) Contract Document – In file.

d. *The execution of any work that necessitates a claim for reimbursement must first obtain prior written approval from CIDBEC. All such claims must be submitted with a receipt and comply with the procedures outlined as below:*

No.	Type of Claim	Rate
1	Rate per kilometre	Car - RM0.85 cent.
2	Toll rate	By actual receipt.
3	Flight ticket (class)	Economy – By actual receipt.
4	Taxi fare and/or public transport	By actual receipt.
5	Accommodation allowance	Claim for hotel accommodation not exceeding RM230.00 per night – By actual receipt.

**1.4 TERMS OF PAYMENT**

1.4.1 *Payment will be made in stages based on the Work Done by the Consultant.*

**1.5 VALIDITY PERIOD**

1.5.1 *The RFQ shall remain valid for a period of **Ninety (90) days** from the closing date for the submission of RFQ unless otherwise extended and no Bidder may withdraw his RFQ within that period.*

**1.6 AGREEMENT**

1.6.1 *The Consultant whose RFQ is accepted shall enter into a formal agreement with CIDBEC.*

**1.7 CONFIDENTIAL INFORMATION**

1.7.1 *After the issuance of the RFQ, information relating to the contents, examination, evaluation and comparison of proposals and recommendations concerning the award of contract shall not be disclosed to the other Respondent or other persons not officially concerned with the process. CIDBEC is not obliged to inform or provide the details of the selection process to either the successful or unsuccessful Respondent in this bid.*

1.7.2 *Except with prior written consent of CIDBEEC, the Respondent at any time:*

- i. shall not communicate to any person or body or entity, any Confidential Information disclosed to them;
- ii. shall not make or caused to be made any press statement nor publish any material whatsoever relating to this RFQ;
- iii. shall not use or permit to be used in any manner the Confidential Information for any purpose whatsoever except for the purposes expressly authorised by CIDBEC.

1.7.3 *Confidential Information means the contents of this RFQ whether partly or wholly or any information provided by the CIDBEC of that ought reasonably to be treated as confidential and/or proprietary.*

1.7.4 *Duration of Confidentiality: All information provided by CIDBEC to the Respondent shall be maintained in confidence in perpetuity or until such time as they are no longer reasonably considered to be confidential by CIDBEC.*

1.7.5 *Personal Information: The Respondent undertakes to comply and ensure its affiliate's; employees, agents and/or consultants comply with the secrecy provision under Section 119 of Development Financial Institution Act 2002 (DFIA) and Personal Data Protection Act 2010.*

**LAMPIRAN E**

**MAKLUMAT SYARIKAT**

**SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN,  
MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS  
RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI  
NEGERI MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN  
TERENGGANU**

**NO. SEBUT HARGA: CIDBEC/042025(OPS)/SHG 01**

**BIL. BUTIRAN**

**MAKLUMAT**

- | 1. Nama Syarikat :  |         |
|---|---------|
| 2. Alamat :   |         |
| 3. No. Telefon :  |         |
| 4. No. Faks :   |         |
| 5. Alamat E-mel :   |         |
| 6. Pendaftaran Syarikat                                     |         |
| a) No. Pendaftaran :  |         |
| b) Tarikh Ditubuhkan :                                      |         |
| 7. Pendaftaran Syarikat dengan CIDB Malaysia                |         |
| a) No. Pendaftaran :  |         |
| b) Tarikh Mula :  |         |
| c) Tarikh Tamat :   |         |
| d) Gred, Kategori & Pengkhususan :                          |         |
| 8. Modal Perniagaan   |         |
| a) Dibenarkan :   |         |
| b) Dibayar :  |         |
| 9. Komposisi Modal Dibayar                                  |         |
| a) Bumiputera :   |         |
| b) Bukan Bumiputera :                                       |         |
| 10. Senaraikan Pegawai / Kakitangan Syarikat yang Berkenaan |         |
| NAMA  | JAWATAN |
|   |         |
|   |         |
|   |         |
|   |         |
| 11. Senarai Nama Syarikat Cawangan dan Anak Syarikat        |         |
|   |         |
|   |         |

--

12. Senaraikan Jenis Pembekalan / Perkhidmatan Yang Pernah Diberi


13. Senaraikan Pelanggan Yang Pernah Berurusan Dengan Syarikat Tuan


14. Maklumat Bank

a) Nama :

b) No. Akaun :

--

15. Lain-Lain Maklumat bagi Menyokong Tawaran ini


Saya / Kami mengaku maklumat yang diberikan adalah benar.

.....  
Nama : .....

Cop Syarikat :

(Wajib diisi)

**LAMPIRAN F**

**SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA**

**SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN,  
MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS  
RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI NEGERI  
MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN TERENGGANU**

**NO. SEBUT HARGA: CIDBEC/042025(OPS)/SHG 01**

Saya .....(Nama Wakil Syarikat)  
Nombor K.P ..... yang mewakili .....  
(Nama Syarikat) Nombor pendaftaran .....(MOF / PKK / CIDB /  
ROS / ROC / ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana  
individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada  
mana-mana individu dalam CIDB E-CONSTRUCT SERVICES SDN BHD atau mana-  
ma individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas.  
Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa\* bagi saya mewakili syarikat  
seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati  
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu di dalam  
CIDB E-CONSTRUCT SERVICES SDN BHD atau mana-mana individu lain sebagai  
sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil  
syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil: -

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya  
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk  
dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera  
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah  
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
Nama:

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat:

**Catatan: \*Surat Perwakilan Kuasa hendaklah disertakan bersama dengan surat  
ini.**

**LAMPIRAN G**

**BORANG SEBUT HARGA**

Kepada : KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

CIDB E-CONSTRUCT SERVICES SDN BHD (CIDBEC)

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tuan,

**SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA UBAH SUAI DALAMAN,  
MEMBEKAL PERABOT DAN MEMBEKAL PERALATAN HARDWARE KE ATAS  
RUANG SEDIA ADA UNTUK PEMBANGUNAN MAKMAL LATIHAN BIM DI NEGERI  
MELAKA, PERAK, KEDAH, PERLIS, PAHANG, KELANTAN DAN TERENGGANU**

NO. SEBUT HARGA: **CIDBEC/042025(OPS)/SHG 01**

Adalah saya / kami yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengemukakan tawaran bagi bekalan / perkhidmatan yang diperlukan dengan harga-harga yang telah ditentukan di dalam Jadual Tawaran Harga iaitu sebanyak **RM .....  
(Ringgit Malaysia ..... sahaja)** seperti di **LAMPIRAN D dengan tempoh penghantaran bagi BARANGAN / BEKALAN / PERKHIDMATAN** ditawarkan selama **7 HARI** dari tarikh penerimaan tawaran seperti yang dinyatakan di **LAMPIRAN B**. Tawaran ini mempunyai tempoh sah laku **90 HARI** dari tarikh Sebut Harga ini ditutup.

2. Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sepenuhnya :-
- i. Bahawa tawaran ini akan dijadikan asas oleh CIDBEC untuk penerimaan tawaran kami;
  - ii. Bahawa CIDBEC tidak terikat untuk menerima Sebut Harga dengan harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga;
  - iii. Bahawa CIDBEC berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran Penyebut Harga mengikut pakej atau menerima tawaran yang sama lebih daripada satu Penyebut Harga;
  - iv. Bahawa keputusan Jawatankuasa Sebut Harga CIDBEC adalah muktamad;

- v. Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka satu kontrak yang formal (jika perlu) akan ditandatangani antara pihak kami dengan CIDBEC selaras dengan tawaran yang diberikan;
- vi. Bahawa Surat Akuan Sebut Harga ini berserta dengan Surat Setuju Terima hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak yang mengikat antara CIDBEC dan Penyebut Harga walaupun kontrak formal (rasmi) belum dilaksanakan / ditandatangani;
- vii. Bahawa jika Sebut Harga ini diterima, saya / kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh masa 14 (empat belas) hari dari tarikh surat setuju terima Sebut Harga;
- viii. Bahawa sekiranya kami menolak tawaran ini atau jika maklumat yang diberikan adalah palsu, CIDBEC boleh menarik balik penganugerahan Sebut Harga yang diberikan dan membawa kes ini ke Mahkamah; dan
- ix. Bahawa kami akan mematuhi segala syarat seperti mana yang dinyatakan di dalam dokumen ini.

**BAGI PIHAK PENYEBUT HARGA:**

Tandatangan Penyebut Harga : \_\_\_\_\_

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_

Cop Syarikat : \_\_\_\_\_

**DI HADAPAN:**

Tandatangan Saksi : \_\_\_\_\_

Nama Penuh Saksi : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_

**LAMPIRAN H**

**REKOD PENGALAMAN**

(Senarai semua rekod pengalaman dalam 5 tahun lepas)

BIL.	NAMA KONTRAK	PELANGGAN (KEMENTERIAN / AGENSI)	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK
.	.	.	.	.

**Salinan Perakuan / Pengesahan Siap Kontrak daripada Pelanggan bagi setiap kontrak yang disenaraikan hendaklah disertakan. Sekiranya tiada rekod pengalaman, sila isikan 'TIADA'.**

**LAMPIRAN I**

**SENARAI KONTRAK SEMASA**

(Senarai semua kontrak di dalam tangan / sedang berjalan dan belum selesai termasuk kontrak yang baru ditawarkan)

BIL.	NAMA KONTRAK	PELANGGAN (KEMENTERIAN / AGENSI)	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK

**Laporan Pelanggan atas prestasi kontrak semasa hendaklah disertakan. Sekiranya tiada rekod pengalaman,  
sila isikan 'TIADA'**  
(Tempoh kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.)

**LAMPIRAN J**

**SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR**

(Sila kemukakan maklumat berkaitan di sini)

**SENARAI SEMAK (CHECKLIST)****SILA TANDAKAN (/) BAGI DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN**

BIL.	PERKARA	LAMPIRAN	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1	Satu salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)		
2	Satu salinan Borang 24 – Return Of Allotment of Shares		
3	Satu Salinan Borang 49 – Return Giving Particular In Register Of Directors, Managers And Secretaries And Changes Of Particulars		
4	Satu Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)		
5	Maklumat / profil Syarikat beserta carta organisasi pasukan projek		
6	Kertas Cadangan	A	
7	Keterangan Mengenai Penyebut Harga	B	
8	Surat Penyertaan Sebut Harga	C	
9	Jadual Tawaran Sebut Harga	D	
10	Spesifikasi Teknikal Dan Skop Perkhidmatan	E	
11	Maklumat Syarikat	F	
12	Surat Akuan Penyebut Harga berserta Surat Perwakilan Kuasa	G	
13	Borang Sebut Harga	H	
14	Rekod Pengalaman	I	
15	Senarai Kontrak Semasa	J	
16	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	K	
17	Senarai Semak (Checklist)		

BIL.	PERKARA	LAMPIRAN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
18	Katalog / maklumat spesifikasi berkenaan produk / perkhidmatan yang dicadangkan			
19	Lain-Lain Dokumen Berkaitan (Jika Ada)			

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT / PENYEBUT HARGA	UNTUK KEGUNAAN CIDBEC
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda (/) kecuali bagi perkara bil. ____ (jika ada).

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :